



Pemberitahuan Umum

Pemberitahuan tentang Audit MSPO untuk **Forescom Sarawak Sdn Bhd**

Tarikh: 4 Februari 2019

Kepada pihak-pihak yang berkepentingan,

Notis ini bertujuan sebagai pemberitahuan kepada pihak-pihak yang berkepentingan bahawa **Forescom Sarawak Sdn Bhd** telah melantik SGS (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis ini. Audit tersebut akan bermula pada **7 Mac 2019 hingga 8 Mac 2019**.

SGS adalah syarikat yang terkemuka di dunia dalam pemeriksaan, pengesahan, pengujian dan pensijilan. SGS diiktiraf sebagai penanda aras global untuk kualiti dan integriti. Dengan lebih daripada 95,000 pekerja, SGS mengendalikan rangkaian lebih 2,400 pejabat dan makmal di seluruh dunia. SGS Malaysia kini sudah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Standards Malaysia (DSM) sebagai Badan Pensijilan MSPO yang diiktiraf.

Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) merupakan skim pensijilan nasional di Malaysia untuk ladang-ladang kelapa sawit, pekebun-pekebun kecil teratur dan kilang memproses minyak sawit. Standards untuk MSPO boleh didapati di Jabatan Standards Malaysia at <http://www.standardsmalaysia.gov.my>.

SGS akan melaksanakan penilaian MSPO di **Forescom Sarawak Sdn Bhd** menurut standard:

- (i) **MS2530-3: 2013:** Prinsip-Prinsip Am Untuk Ladang-Ladang Kelapa Sawit Dan Pekebun-Pekebun Kecil Teratur

Untuk maklumat lanjut tentang proses pensijilan sistem pengurusan kelapa sawit, sila lawati <https://www.mpoc.org.my/mspo-certification-scheme>

Sebagai persediaan dan sebahagian daripada keperluan untuk proses penilaian ini, SGS ingin menjemput pihak-pihak berkepentingan untuk menghadiri sesi konsultasi yang akan diadakan dan mengemukakan komen atau ulasan yang berkaitan.

Tarikh dan masa untuk sesi konsultasi tersebut:

Tarikh: **7 Mac 2019**

Masa: 11:30 am to 1:00 pm

Lokasi: **Ladang Forescom Sarawak**, Lot 8, Block 4, Kuala Baram Land District 98000 Miri, Sarawak.

Sila berhubung dengan pegawai bertugas di bawah untuk mengesahkan kehadiran anda ke sesi konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan di lokasi yang dinyatakan di atas.

Forescom Sarawak Sdn Bhd

Ms Ling Yieng

MSPO Manager (Malaysia)

Forescom Sarawak Sdn Bhd

Ladang Forescom Sarawak, Lot 8, Block 4, Kuala Baram Land District 98000 Miri, Sarawak

Phone no: +6016 360 5265

Fax no: +6085 418 834

E-mail: lyieng@yahoo.com

Nota *: Sekiranya anda tidak dapat hadir pada sesi ini, anda dijemput untuk berjumpa dan memberikan komen anda kepada juruaudit kami pada bila-bila waktu semasa tempoh audit.

Ladang-Ladang Yang Terlibat Dalam Penilaian Ini

Nama Ladang	Lokasi	Jumlah Kawasan (Ha)
Ladang Forescom Sarawak	Lot 8, Block 4, Kuala Baram Land District 98000 Miri, Sarawak	842

Pasukan juruaudit untuk pensijilan adalah terdiri daripada:

Mr Dickens Mambu	Ketua Juruaudit untuk Amalan Terbaik Pertanian, Pengurusan Perosak Bersepadu, kebajikan pekerja, aspek sosial dan Rantaian Pembekalan
	Ketua Juruaudit bagi Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Alam Sekitar, keselamatan dan kesihatan, dan fasih dalam bahasa-bahasa tempatan.
	Ketua Juruaudit untuk aspek sosial, kebajikan pekerja dan fasih dalam bahasa-bahasa tempatan

Tujuan Pemberitahuan Umum ini adalah, SGS sebagai badan pensijilan yang dilantik ingin mendengar pandangan dan komen dari pihak-pihak berkepentingan tentang isu-isu berkaitan dengan pengurusan minyak sawit dan juga menilai tahap kepatuhan menurut piawaian MSPO. Anda boleh nyatakan komen anda (jika ada) yang berkaitan dengan isu-isu berikut:

- Perlindungan alam sekitar dalam estet atau kilang termasuk penggunaan racun perosak dan pengurusan effluen.
- Biodiversiti dalam ladang dan kilang sawit
- Peluang Pekerjaan
- Sumbangan untuk pembangunan tempatan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, kemudahan dan sokongan pendidikan
- Isu-isu lain yang berkaitan dengan penilaian

SGS mengamalkan prinsip kerahsiaan pada setiap peringkat di dalam organisasinya tentang maklumat-maklumat yang diperoleh sepanjang operasi perniagaannya dan secara khusus dalam proses pensijilan MSPO ini. Tiada sebarang maklumat yang akan didedahkan ke mana-mana pihak ketiga melainkan diperlukan oleh prosiding undang-undang ataupun apabila diminta oleh MPOCC sebagai

badan akreditasi untuk MSPO, selepas SGS memberikan klien / pihak-pihak berkepentingan salinan terhadap proses atau keperluan ini. Sekiranya tidak, tiada sebarang maklumat akan didedahkan tanpa persetujuan awal dari pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

Sehubungan dengan itu, semua pihak yang berkepentingan boleh memberi komen anda ke SGS dengan yakin kerana SGS terikat dengan prinsip kerahsiaan seperti yang dinyatakan di dalam polisi akreditasi dan di dalam prosedur pemilik skim ini

Kami menjemput semua pihak yang berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam sesi konsultasi ini kerana anda boleh menyumbang secara positif dalam proses pensijilan. Kami juga menjemput anda untuk membangkitkan sebarang isu sama ada positif atau negatif dengan menulis kepada kami melalui surat, fax, atau emel ke SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Sila sertakan maklumat-maklumat di bawah sekiranya kami perlu menghubungi anda semula untuk pencerahan isu-isu yang dibangkitkan

Nama : _____
Alamat : _____

Telefon : _____
Emel : _____

Jika anda ingin komen anda dirahsiakan ataupun ingin komen tanpa nama, sila nyatakan SULIT dan hantar komen anda ke:

SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.
Mr. Kenny Looi Certification & Business Enhancement (CBE); Country Business Manager (CBE) Unit 10-1, 10th Floor, Bangunan Malaysian RE No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia Phone: +603 2095 9200 Fax: +603 2093 8202 E-mail: kenny.looi@sgs.com

Sekiranya anda, atas sebarang sebab yang sah, tidak bersetuju dengan keputusan audit pensijilan (e.g. tidak bersetuju sijil dianugerahkan, dll.) berhak untuk mempertikaikan perkara tersebut dan maklumkan kepada SGS. Pihak yang berkepentingan berkenaan perlu menghantar aduan, pertikaian, dan keluhan dalam tempoh 30 hari dengan disokong oleh data dan fakta untuk pertimbangan seterusnya mengikut Prosedur Aduan/Pertikaian/Keluhan.

Semua Aduan/Pertikaian/Keluhan akan dimajukan ke Panel Rayuan bebas Badan Penasihat SGS/ Jawatankuasa Urus Tadbir Kesaksamaan. Keputusan Panel Rayuan adalah muktamad terhadap SGS dan pihak-pihak berkepentingan.

Kami hargai penglibatan dan maklum balas dari pihak anda.

Yours Sincerely,

Dickens Mambu

Ketua Juruaudit, SGS (Malaysia) Sdn Bhd